

# **PENDEKATAN KAUNSELING DALAM DAKWAH BAGI KESEJAHTERAAN INSAN DAN PERADABAN UMMAH**

Oleh:

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim \*

Faridah Binti Che Husain \*\*

## **Abstract**

*Islamic counseling is not only an approach to assist in resolving crisis, but it is also regarded as a social service to guide people in all aspects of human life. The guidance is set up based upon the rules that have been determined by Islam in the Holy Quran and al-Sunnah. In counseling, every individual will be assisted and guided to make decision base on rasional and faith. Counseling can be considered as a technique in da'wah because amongst the role of a counselor is congruent to the role of "pendakwah" i.e. to encourage people toward rasional thinking before making any decision or taking any action. Both counseling and da'wah stress on the importance of guiding a person towards any transformation concerning his behaviour and way of thinking in everyday life. Hence, this paper will deliberate the importance of counseling approach in da'wah to achieve individual harmonious and ummah civilization. An ideal counseling approach in da'wah will result in the development of individual self-esteem which will provide huge impact towards ummah civilization.*

## **PENGENALAN**

Kaunseling merupakan satu konsep perkhidmatan pertolongan berasaskan pengabdian diri (*ubudiyah*) kepada Allah serta berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber ini merupakan petunjuk abadi,

---

\* Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, M.A. adalah pensyarah Program Pendidikan Islam di Akademi Pengajian Islam (APIUM), Universiti Malaya.

\*\* Faridah Binti Che Husain, M.A. adalah pensyarah Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar Fakulti dan TITAS (SKET), Universiti Malaya.

penyembuh dan rahmat daripada Allah kepada seluruh umat manusia. Kaunseling Islam bukan sekadar bermaksud memberi bantuan untuk menyelesaikan masalah, tetapi juga merupakan satu perkhidmatan pertolongan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dengan berlandaskan ruang lingkup yang telah digariskan oleh Islam. Kaunseling juga merupakan suatu proses menolong yang melibatkan dua hala, iaitu di antara orang yang memberi pertolongan dengan orang yang menerima pertolongan dalam suasana yang penuh muhibah, kesedaran, mesra dan saling memahami. Kaunselor akan mengaplikasikan beberapa pendekatan yang berlainan mengikut kesesuaian permasalahan dan klien. Walaupun pendekatan-pendekatan yang digunakan adalah berlainan di antara seorang klien dengan klien yang lain mengikut kemahiran kaunselor, namun apa yang penting setiap pendekatan yang dipilih menggunakan teknik-teknik yang tertentu bertujuan untuk mendidik dan membimbing klien agar mampu membuat pilihan dan keputusan mengenai sesuatu permasalahan dengan baik dan tidak terburu-buru dalam menjalani kehidupan. Kaunselor lebih banyak menggunakan pendekatan psikologi dalam membantu klien supaya klien tidak cuba untuk mengasingkan di antara kehidupan di dunia dan akhirat.

Islam sama sekali tidak mengasingkan di antara kehidupan di dunia dan akhirat. Namun, dalam menjalani kehidupan seharian, individu tidak seharusnya melupakan hakikat bahawa perlu sentiasa mempunyai hubungan dengan Allah SWT dalam mencari erti kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dengan mendapat keredaan Allah SWT. Ini kerana kunci kebahagiaan adalah terletak dalam hati setiap insan yang sentiasa mengingatiNya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Orang-orang yang beriman, dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah yakni al-Quran al-Karim. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia”.<sup>1</sup>

Kaunselor berperanan untuk mengembalikan ketenangan dan kedamaian kepada individu yang menghadapi permasalahan dalam hidup. Individu

---

<sup>1</sup> Al-Qur'an, surah al-Ra'd: ayat 28. Selain itu, Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Fajar, ayat 27-30 yang bermaksud: “Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati akan segala nikmat yang diberikan, lagi diredaya Tuhanmu. Serta masuklah engkau ke dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia, dan masuklah ke dalam syurgaKu.”

yang bermasalah seringkali berada dalam keadaan yang gopoh gapah, cemas, tidak mampu berfikir dengan baik dan mudah berputus asa. Oleh itu, kaunseling akan membawa individu agar berada dalam keadaan yang selesa dan tidak cemas sebelum memikirkan langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah diri.

Kaunseling merupakan satu pendekatan dalam berdakwah kerana peranan kaunselor adalah untuk menekankan kepada kepentingan manusia untuk berfikir terlebih dahulu sebelum mula mengambil sebarang keputusan atau langkah. Perspektif kognitif ini menekankan kepentingan individu untuk berfikir, memproses dan kemudian menilai data-data serta maklumat sebelum bertindak balas terhadapnya. Oleh itu, kaunseling merupakan satu pendekatan dakwah yang berusaha untuk menggerakkan klien supaya memahami kelemahan atau kekurangan yang membawa kepada masalah. Klien akan disedarkan sehingga mengetahui dengan jelas keadaan diri yang sebenar.

Kaunseling dalam Islam membawa pengertian bahawa sebarang usaha untuk menyedarkan klien haruslah sentiasa berlandaskan kepada syariat Allah SWT yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, sebarang usaha dakwah yang akan dilaksanakan haruslah berdasarkan syariat tersebut bagi melahirkan kesejahteraan insan dan peradaban ummah dalam aspek jasmani dan rohani.

## DEFINISI KAUNSELING

Konsep serta pengertian tentang kaunseling telah mendapat definisi yang pelbagai mengikut kefahaman mazhab dan prinsip falsafah perlakuan manusia. Walau bagaimanapun, definisi konsep kaunseling sangat luas dan tidak ada sesuatu definisi yang dapat mencakupi keseluruhan aspek yang berkaitan dengan kefahaman kaunseling itu sendiri. Namun begitu, semua pendekatan dalam kaunseling adalah menumpukan kepada konsep tolong menolong seseorang insan.

Dari sudut definisinya, kaunseling mempunyai banyak pengertian. Sebagai satu kronologi, definisi kaunseling bersesuaian dengan zaman, keadaan dan kebudayaan. English dan English (1958) dalam salah satu penulisannya dalam buku yang bertajuk *A Comprehensive Dictionary of Psychological and Psychoanalytical Terms*, telah mendefinisikan kaunseling sebagai satu proses membantu seorang klien bagi membuat pentafsiran berkaitan dengan fakta pemilihan, perancangan atau penyesuaian yang dikehendaki. Pada tahun 70an pula, definisi yang

dikemukakan oleh Patterson dalam bukunya yang bertajuk *Theories of Counseling and Psychotherapy* lebih memberi fokus fahaman kepada profesion kaunseling. Menurut Patterson, kaunseling merupakan proses menolong yang berlangsung melibatkan perhubungan sesama insan yang diperlukan bagi rawatan spesifik untuk orang yang bermasalah.

Krumboltz pula menyatakan kaunseling sebagai suatu aktiviti yang berlandaskan kepada etika-etika tertentu yang memerlukan pelan-pelan tindakan yang dirangka bersama klien untuk mencapai penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi.<sup>2</sup> Sehubungan itu, proses kaunseling merupakan satu proses yang diatur dan dirancang secara berstruktur dan mempunyai matlamat yang jelas, malah ia turut dijalankan dengan semangat kerjasama serta komitmen yang padu di antara kaunselor dan klien. Bagi Corey, kaunseling ialah proses yang memberikan klien peluang untuk meneroka aspek diri yang menimbulkan kesulitan baginya. Penerokaan ini akan menimbulkan keinsafan mengenai dirinya serta juga pilihan-pilihan yang boleh dipilihnya agar mencapai kehidupan yang lebih berkesan.<sup>3</sup>

Sementara Burks dan Steffire menyatakan bahawa kaunseling adalah satu hubungan yang profesional di antara kaunselor yang terlatih dengan klien. Hubungan ini biasanya berlaku di antara dua orang atau dalam keadaan tertentu. Ia boleh melibatkan lebih daripada dua orang.<sup>4</sup> Definisi ini jelas menggambarkan bahawa kaunseling adalah satu proses yang melibatkan seorang individu yang pakar sebagai kaunselor yang berdepan dengan individu yang bermasalah atau yang ingin dibantu sebagai klien. Klien pula kebiasaannya melibatkan hanya seorang, cuma bagi sesetengah keadaan mungkin beberapa individu diperlukan. Perjalanan proses kaunseling adalah bertujuan untuk membantu klien memahami dirinya sendiri terlebih dahulu sebelum mula memikirkan jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang ditanggung.

Definisi kaunseling menurut Ee Ah Meng pula, sebagai satu bentuk perhubungan yang disifatkan sebagai hormat menghormati, komunikasi yang berkesan dan penerimaan klien secara tulen oleh kaunselor.<sup>5</sup> Di sini

<sup>2</sup> Krumboltz, J.D. (1965). *Behavioral Counselling: Rational and Research*. Personal and Guidance Journal, 44, h. 3873-3874.

<sup>3</sup> Gerald Corey (2001). *Theory and Practice of Counselling and Psychotherapy*. 6<sup>th</sup> Edition. USA: Wadsworth/Thomson Learning, h. 15-40.

<sup>4</sup> Burks, H.M. and Steffire, B. (1979). *Theories of Counselling*. Third Edition. New York: McGraw-Hill Book Com., h. 14.

<sup>5</sup> Ee Ah Meng (1997). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Edisi Kedua. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 78.

agak jelas bahawa dalam kaunseling beberapa bentuk kemahiran asas ketika berhadapan dengan klien sangat dipentingkan bagi menimbulkan keselesaan dan ketenangan pada kedua-dua belah pihak. Sementara bagi Suradi Salim pula, kaunseling merupakan hubungan peribadi yang bersemuka antara kaunselor dengan klien. Melalui hubungan itu, kaunselor dengan menggunakan kemahiran khasnya, menyediakan satu situasi dan suasana, apabila klien, seorang yang normal dibantu untuk memahami diri, memahami situasi semasa serta berkemungkinan situasi masa hadapan supaya dia boleh menggunakan sifat-sifat keperibadian dan potensi dengan cara yang memuaskan dirinya.<sup>6</sup>

Kebiasaannya, seseorang yang bermasalah akan bersikap ingin segera menyelesaikan permasalahan yang ditanggung tanpa menyedari implikasi di sebalik jalan penyelesaian yang diambil. Maka di sinilah, peranan setiap kaunselor untuk menggunakan pelbagai kemahiran dan teknik supaya klien tidak terlalu ghairah untuk menyelesaikan masalah sebelum mengetahui dengan jelas mengenai masalah yang sebenarnya. Tugas kaunselor adalah untuk menghuraikan segala kekeliruan dan kecaburan klien mengenai masalahnya. Kemudian barulah setiap masalah itu dibincangkan dengan terperinci supaya akhirnya klien akan memahami dengan jelas permasalahan yang sebenarnya dan cara penyelesaian yang terbaik.

Manakala bagi Wrenn, kaunseling ialah suatu hubungan yang dinamik dan mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Kaunseling dianggap sebagai bukan sahaja untuk memenuhi kehendak klien tetapi juga aspek penyertaan dan persefahaman di antara kaunselor dan klien supaya timbul corak interaksi yang baik.<sup>7</sup> Suasana yang selesa dan tenteram seharusnya ada dalam setiap sesi yang dijalankan agar dapat mewujudkan rasa saling memahami dan persefahaman. Persefahaman di antara kaunselor dan klien semasa proses kaunseling berlangsung adalah sangat penting bagi menjamin kejayaan objektif yang ingin dicapai dan klien memperolehi kepuasan semasa membentuk langkah penyelesaian terhadap permasalahan yang dibincangkan. Perkara ini disokong oleh Gibson dan Mitchell yang menegaskan bahawa kaunseling merupakan satu hubungan bantu membantu yang berpusat kepada perkembangan dan pertumbuhan seseorang serta penyesuaian dirinya dan kehendak-kehendaknya dalam

<sup>6</sup> Suradi Salim (1996). *Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 253.

<sup>7</sup> Wrenn, C.G. (1951). *Student Personal Work in College*. New York: Ronald Press, h. 60.

menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.<sup>8</sup> Justeru itu, kaunseling merupakan kemahiran individu dalam berkomunikasi dan berinteraksi secara bersemuka dengan individu lain yang memerlukan pertolongan secara profesional dalam segala aspek yang berkaitan dalam hidup.

## DEFINISI KAUNSELING DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Kaunseling menurut perspektif Islam mempunyai pengertian dan kedudukannya yang tersendiri. Ini bersesuaian dengan segala syariat Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan al-sunnah. Oleh itu pelaksanaan proses kaunseling menurut Islam mestilah sentiasa berdasarkan kepada kedua-dua sumber yang penting tersebut dan bukannya sekadar untuk membantu individu melepaskan diri daripada permasalahan. Dalam kaunseling, setiap individu akan dibantu dan dibimbing untuk membuat keputusan dengan berdasarkan kepada kewarasan dan keimanan.<sup>9</sup> Keputusan yang berasaskan kehendak diri tanpa bertunjangkan kepada keimanan dan akal fikiran merupakan satu penganiayaan kepada diri sendiri sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah tidak menganiayai mereka, tetapi mereka lah yang selalu menganiayai diri mereka sendiri”.<sup>10</sup>

Islam pada prinsipnya meminta setiap umat Islam agar mempunyai kemahiran-kemahiran asas sebagai seorang kaunselor, sama ada ia seorang kaunselor, guru atau siapa sahaja. Islam juga telah membawa model yang terbaik sebagai rujukan kepada umat Islam untuk mencontohi segala kemahiran ini, iaitu para rasul dan utusan Allah yang sentiasa berusaha gigih memainkan peranan yang diberikan oleh Allah dengan mengaplikasikan segala kemahiran kaunseling. Ayat berikut pula menjelaskan tentang sifat dan akhlak Rasulullah yang seharusnya menjadi ikutan setiap orang Islam, terutamanya yang bergelar kaunselor ataupun guru. Firman Allah SWT maksudnya:

<sup>8</sup> Gibson, R.L. dan Mitchell, M.H. (1981). *Introduction to Guidance*. New York: Ronald Press, h. 27.

<sup>9</sup> Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Che Husain (2006). “Aplikasi Kaunseling Dalam Dakwah Bagi Pembentukan Modal Insan Yang Berkualiti” dlm. *Prosiding Seminar Serantau Pemikiran Dakwah: Peranan dan Pengalaman*, di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, 19-20 September 2006. h. 112.

<sup>10</sup> Al-Quran, surah al-Nahl: ayat 33.

“Adalah kerana rahmat dari Allah, maka kau (Muhammad) bersikap lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau berbudi kasar dan berhati bengis tentulah mereka menjauhkan diri dari lingkunganmu. Maka bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan. Jika kemudian kau mengambil keputusan, tawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mencintai orang yang bertawakal”.<sup>11</sup>

Di dalam satu riwayat, Rasullullah telah berpesan kepada Mu’az bin Jabal yang akan berangkat menjadi Gabenor di Yaman, iaitu “Gembirakan, jangan timbulkan kebencian sehingga orang lari”. Justeru, kemahiran ini sangat diperlukan dalam menyampaikan dakwah yang berkesan dan ia mestilah menjadi pegangan asas bagi kaunselor Islam kerana segala teknik dan kemahiran yang digunakan dalam proses kaunseling adalah berasaskan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat-nasihat yang baik, dan bertukar-tukar fikiranlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik”.<sup>12</sup>

Secara ringkas, teknik dan kemahiran menolong orang lain dengan secara baik dan berhikmah iaitu teknik dan segala kemahiran kaunseling telah lama wujud dan bertapak dalam hati setiap orang Islam. Teknik dan kemahiran kaunseling yang menekankan kepada kepentingan memberi kesedaran kepada insan lain untuk berfikir secara berhikmah sememangnya merupakan teknik dan kemahiran yang sentiasa digunakan oleh para utusan Allah dalam mengajak kepada kebenaran dan kebaikan kepada ummah mereka. Ini bersesuaian dengan maksud perutusan para rasul, iaitu bertujuan untuk memberikan kesedaran dan membawa kebenaran yang hakiki di sisi Allah SWT.

Berdasarkan kepada definisi dan pengertian yang diberikan, amat jelas bahawa kaunseling merupakan amalan yang berkaitan dengan ajaran dalam Islam, terutama dalam pelaksanaan beberapa konsep seperti yang telah dinyatakan di atas. Walaupun definisi yang digunakan adalah berbeza, namun secara dasarnya matlamat dan objektif perkhidmatan ini adalah sama, iaitu sebagai satu perkhidmatan untuk membantu insan lain ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup. Ini bertepatan sekali dengan tuntutan Allah SWT yang menyeru semua hambanya agar sentiasa memikul

<sup>11</sup> Al-Quran, surah Ali Imran: ayat 159.

<sup>12</sup> Al-Quran, surah al-Nahl: ayat 125.

bertanggungjawab untuk membimbing dan membantu insan yang lain bagi mendapat keredhaanNya. Sekaligus ia boleh membawa kepada pengukuhan kesejahteraan insan yang mempunyai perseimbangan kebendaan dan kerohanian yang menjadi tunjang kecemerlangan yang akan mengangkat martabat bangsa dan kewibawaan ummah di mata dunia.

## DEFINISI DAKWAH

Perkataan dakwah berasal daripada bahasa Arab yang mempunyai pelbagai pengertian seperti meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.<sup>13</sup> Dari sudut istilah, dakwah bermaksud sebagai satu proses yang mengajak dan memimpin individu lain kepada jalan Allah oleh pendakwah kepada *mad'unya* (sasaran) dengan maksud segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredaan daripada Allah. Ajakan itu seterusnya membawa kepada kesejahteraan hidup *mad'u*.<sup>14</sup>

Manakala *Kamus Dewan* mendefinisikan dakwah sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Sementara dakwah dalam bahasa percakapan ialah patuh kepada ajaran agama Islam dengan lebih sempurna sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaularan, cara berpakaian dan sebagainya.<sup>15</sup>

Muhammad al-Ghazali pula menjelaskan dakwah sebagai satu program (*barnamij*) lengkap yang mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta sebagai petunjuk jalan.<sup>16</sup> Sementara Dr. Ra'uf Shalabi menerangkan bahawa dakwah Islamiah ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada keadaan iman, dari keadaan gelap kepada cahaya, dan daripada kesempitan kepada keadaan lapang di dunia dan di akhirat.<sup>17</sup>

<sup>13</sup> Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-Arab*. Jil. 14. Beirut: Dar Sadir, h. 257-261.

<sup>14</sup> 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (1992). *Fiqh al-Dakwah al-Fardiyah*. Dar al-Wafa', h. 25.

<sup>15</sup> Noresah bt. Baharom (ed.) (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

<sup>16</sup> Muhammad al-Ghazali (1981). *Ma'a Allah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. h. 17.

<sup>17</sup> Adam Abdullah al-Aluri (1977). *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyah baina al-Ams ila al-Yaum*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 17.

Sementara menurut Ariffin, dakwah boleh didefinisikan sebagai suatu kegiatan mengajak manusia dalam bentuk lisan yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mengajak orang lain, sama ada secara individu atau kelompok supaya timbul dalam diri suatu pengertian, kesedaran, sikap, penghayatan serta pengalaman terhadap ajaran yang disampaikan kepada mereka dengan menolak unsur-unsur paksaan.<sup>18</sup>

## HUBUNGAN DAKWAH DAN KAUNSELING

Kaunseling mempunyai hubungan yang rapat dengan dakwah dari sudut pembinaan matlamat yang sama oleh individu yang menjalankan prosesnya, iaitu untuk mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan segala larangan. Oleh itu, segala usaha yang berupa ajakan ke arah kesejahteraan dan kebahagian individu lain dengan berteraskan Islam adalah dianggap sebagai berdakwah dan ini termasuklah juga proses kaunseling.

Terdapat beberapa elemen yang mempunyai hubungan rapat antara dakwah dan kaunseling, iaitu:

- Berlakunya perkhidmatan menyedarkan dan kegiatan ajakan ke arah kebaikan dalam proses ini.
- Adanya suatu bentuk tertentu dalam kegiatan ini sama ada melalui lisan, tulisan dan tingkah laku.
- Kegiatan tersebut dilakukan secara sedar dan terancang.
- Kegiatan tersebut untuk mempengaruhi orang lain secara sukarela.
- Ia bertujuan untuk menimbulkan kesedaran, penghayatan dan perubahan diri.
- Ia dilakukan tanpa adanya unsur-unsur paksaan.

Berdasarkan kepada elemen-elemen di atas, perkhidmatan dakwah merupakan salah satu cara untuk mempengaruhi seseorang ke arah ketenangan hati dan penjernihan jiwa. Ketenangan hati daripada kegelisahan dan penyakit hati yang dapat diubati dengan memantapkan keimanan seseorang kepada Allah SWT. Sebagaimana ulasan Ibnu Qayyim di dalam bukunya *al-Ruh* yang mendefinisikan kegelisahan dan penyakit hati sebagai, “sifat lemah di dalam jiwa dan perasaan takut di dalam hati yang dicetuskan oleh sifat tamak dan kedekut”.<sup>19</sup> Kegelisahan dan penyakit hati

<sup>18</sup> H.M. Ariffin (1991). *Psikologi Dakwah Suatu Pengantar Studi*. Jakarta. h. 6.

<sup>19</sup> Ibnu Qayyim, Syams al-Din Muhammad bin Abi Bakr (1990). *Al-Ruh*. (Terjemahan Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Singapura Pte. Ltd., h. 503.

perlu diselesaikan dengan cara yang terbaik oleh orang yang mengalaminya supaya dia mampu menjalani kehidupan dengan penuh ketenangan dan perasaan yang positif. Sementara penjernihan jiwa yang dimaksudkan ialah pembersihan, pertumbuhan dan pembaikian roh dan jiwa manusia melalui kaedah, teknik dan sifat-sifat tersendiri yang memberi kesan terhadap tingkahlaku dalam usaha mencari keredaan Allah SWT.<sup>20</sup>

Di dalam al-Quran, berulangkali Allah SWT menyatakan bahawa kebahagiaan yang abadi hanya akan dapat diperolehi melalui iman dan amal soleh seseorang. Hanya dengan keimanan yang teguh dan amal perbuatan yang baik sahaja dapat menjanjikan kebahagiaan yang abadi di dunia dan di akhirat. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Adapun orang-orang yang beriman dan berbuat amal soleh, maka Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambah bagi mereka sebahagian daripada kurniaaNya. Adapun orang-orang yang enggan dan menyombong diri, maka Allah menyeksa mereka dengan siksaan yang pedih, dan mereka tidak memperoleh pelindung dan penolong selain daripada Allah”.<sup>21</sup>

Kebahagiaan juga hadir dalam diri seseorang sekiranya dia menyedari dan menginsafi yang dia sebenarnya telah dianugerahkan dengan kelebihan-kelebihan tersendiri yang membezakannya dengan orang lain. Oleh itu, tidak perlulah dia merasa sedih dengan memfokuskan kepada kekurangannya sahaja.<sup>22</sup> Selain itu, proses ini juga secara langsung memberi kesan dalam hubungan sesama manusia. Ini sangat bersesuaian dan selari dengan konsep asas dalam perkhidmatan kaunseling secara Islam yang dijalankan, iaitu:

1. Konsep menolong individu yang lain dengan menggunakan kemahiran lisan dan mendengar dengan baik bagi tujuan membantu klien mengenal jenis masalah yang dihadapi.
2. Konsep bantuan yang berupa kesedaran untuk memahami dan mengenali diri sendiri, kekuatan dan kelemahan.

<sup>20</sup> Hassan Langgulung (1998). “Aplikasi Beberapa Kaedah Kaunseling Dalam Dakwah” dalam *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, (disunting oleh Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 137.

<sup>21</sup> Al-Quran, surah al-Nisa’: ayat 173.

<sup>22</sup> Hairunnaja Najmuddin (2002). *Psikologi Ketenangan Hati*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 129.

3. Konsep bantuan untuk menyedarkan klien bahawa setiap masalah boleh diselesaikan dan individu itu sendiri yang bertanggungjawab di atas segala masalahnya.
4. Konsep mencari punca masalah sebenar dan memilih cara penyelesaian yang terbaik bersesuaian dengan diri.
5. Konsep perubahan tingkahlaku tanpa melibatkan unsur-unsur paksaan atau mempengaruhi klien.

Konsep di atas jelas menunjukkan bahawa kaunseling merupakan salah satu pendekatan dalam dakwah. Ini kerana terdapat keselarian konsep dalam dakwah, iaitu penggunaan pelbagai jenis kemahiran dalam usaha membantu insan lain. Kaunseling dan dakwah, masing-masing menekankan kepada kepentingan membantu perubahan tingkahlaku dan pemikiran individu dalam kehidupan sehari-hari. Salah satu konsep dakwah ialah tuntutan Allah agar setiap hamba-Nya menekankan amalan bukan sahaja di dalam hubungan manusia dengan Allah tetapi juga hubungan sesama manusia. Malah, dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling, sumber asas dan pendekatan teorinya juga mestilah bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith.<sup>23</sup>

Menurut Wan Hussain Azmi (1994) dalam bukunya yang bertajuk “Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam”, konsep dakwah yang menggunakan pendekatan berhikmah yang dianjurkan Islam juga bersamaan dengan konsep hikmah dalam proses kaunseling Islam iaitu:

- a) Hikmah yang dikategorikan kepada:
  1. Hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat kaunselor. Berhikmah seperti mengamalkan sifat-sifat kenabian, iaitu benar, amanah, menyampaikan dan bijaksana. Hikmah juga bermaksud keadilan, meletakkan sesuatu pada tempatnya, sentiasa bersabar, berilmu pengetahuan dan berpengalaman luas dan mempunyai pengetahuan yang sebaik-baiknya.
  2. Hikmah yang berhubung dengan isi kandungan kaunseling. Teknik pendekatan yang sentiasa berasaskan kepada al-Quran, perkataan yang digunakan adalah betul dengan hak dan kebenaran, menggunakan dalil yang tepat yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan.

<sup>23</sup> Kamaruddin Ahmad (1996). “Kaunseling dalam Konsep Mau’izah”, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Kaunseling di Tempat Kerja Siri 1*, Anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling, Institut Teknologi Mara pada 10 dan 11 September 1996. h. 3.

3. Hikmah yang berhubung dengan alat dan strategi kaunseling.  
Teknik yang membawa konsep alat yang mencegah kerosakan dan sesuatu perkataan yang digunakan yang bertepatan dengan tempatnya.
- b) Kata-kata nasihat yang baik, iaitu nasihat yang boleh menjauhkan diri dari keburukan dengan cara memberi perangsang untuk meninggalkannya. Kata-kata nasihat tersebut boleh diterima oleh hati dan masuk ke dalam perasaan dengan lembut serta dapat menjinakkan hati yang liar.
- c) Perbincangan atau perbahasan yang baik dengan tujuan menjauhkan perasaan dan tanggapan bahawa kaunselor itu akan menyerang peribadi, merendah-rendahkan serta menghinanya. Suasana yang kondusif adalah sangat penting bagi memastikan kaunselor dan klien bersama-sama menyelesaikan masalah.

## KONSEP ASAS KAUNSELING DALAM DAKWAH

Menurut Islam, kejadian manusia terdiri daripada dua unsur asas, iaitu unsur jasmani dan unsur rohani. Unsur jasmani merujuk kepada unsur pembentukan tubuh badan manusia yang terdiri daripada beberapa unsur-unsur tanah dan air. Unsur rohani menentukan corak kehidupan manusia dan menjadi titik tolak kepada keistimewaan dan kelebihan darjah berbanding dengan makhluk-makhluk Allah SWT lain yang terdapat di muka bumi dan alam semesta seluruhnya. Unsur rohani ini terdiri daripada empat unsur yang lain, iaitu *al-ruh* atau roh, *al-nafs* atau nafsu, *al-qalb* atau kalbu atau hati, dan *al-aql* atau akal. Berdasarkan kepada unsur jasmani dan rohani kejadian manusia yang unik ini, Islam mempunyai konsepsi yang jelas berhubung fitrah atau *tabii* manusia seluruhnya yang dapat menjadi panduan dalam pelaksanaan kaunseling berdasarkan pendekatan Islam.

Selain daripada manusia itu terdiri daripada unsur fizikal dan spiritual, Islam menganggap manusia sebagai makhluk yang mempunyai keperluan bersosial, mempunyai sifat-sifat kebaikan dan kejahatan, mempunyai pelbagai tingkah laku dan perangai, inginkan kepada kemuliaan diri dan berbeza di antara seorang dengan seorang yang lain. Manusia juga mempunyai naluri haiwan, naluri syaitan, naluri malaikat, naluri kemanusiaan sempurna dan bersifat pelupa. Kemuliaan dan kehinaan martabat seseorang manusia adalah dinilai daripada hubungannya dengan Allah SWT, hubungannya dengan sesama manusia, pelaksanaan

tanggungjawabnya sebagai khalifah di atas muka bumi dan kesedarannya terhadap matlamat dan tujuan kehidupannya. Di dalam menangani masalah kegelisahan, kaunseling yang berdasarkan pendekatan Islam menekankan perlunya melihat seseorang individu daripada sudut fizikal dan spiritual sekaligus dan bukannya mengasing-asingkannya.<sup>24</sup>

Tuntutan Allah terhadap amalan manusia bukan sahaja di dalam hubungan manusia dengan Allah, tetapi juga hubungan sesama manusia. Malah dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling, sumber asas dan pendekatan teorinya mestilah bersandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith.<sup>25</sup> Perkhidmatan kaunseling secara Islam juga adalah berasaskan kepada kepentingan konsep tolong menolong sesama insan sebagaimana yang amat ditekankan oleh Islam. Ini kerana Islam sangat menggalakkan umatnya untuk mengamalkan hubungan tolong menolong dalam kehidupan seharian, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Carilah (kebahagiaan) akhirat melalui anugerah Allah yang diberikan kepadamu. Dan janganlah lupa tugasmu di dunia, berbuat baiklah (kepada orang lain) sepertimana Allah telah berbuat ihsan kepadamu dan janganlah menimbulkan kerosakan di bumi...”<sup>26</sup>

Dalil lain yang menonjolkan kepentingan hubungan tolong menolong turut terdapat dalam maksud hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, iaitu:

“Hak seorang Muslim kepada Muslim lain ada enam perkara; jika bertemu ucapan salam kepadanya, jika dijemput maka hendaklah memperkenankannya, jika diminta nasihat, maka nasihatilah ia, jika bersin ucapan alhamdulillah, maka doakanlah dia semoga dirahmati Allah, jika sakit maka ziarahilah dia dan jika mati maka iringilah jenazahnya hingga ke kubur.”

## **KESEJAHTERAAN INSAN MELALUI PENDEKATAN KAUNSELING DAN DAKWAH**

Kesejahteraan insan melalui pendekatan kaunseling dan dakwah terhasil apabila individu mengisi kehidupannya dengan tingkah laku dan akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia dapat ditemui dalam keistimewaan al-Quran yang mementingkan kesejahteraan umat.

<sup>24</sup> Hairunnaja Najmuddin (2002), h. 61-62.

<sup>25</sup> Kamaruddin Ahmad (1996), h. 3.

<sup>26</sup> Al-Quran, surah al-Qasas: ayat 77.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka.”<sup>27</sup>

Kehidupan yang baik dan sejahtera seperti yang dipohon dalam maksud firman Allah SWT di atas dapat dinikmati dengan memenuhi dua kepentingan, iaitu kepentingan fizikal<sup>28</sup> dan kepentingan spiritual.<sup>29</sup> Dalam konteks ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa akhlak itu terangkum dalam kepentingan spiritual yang harus diberi perhatian oleh setiap individu muslim bagi melahirkan kesejahteraan insan dan masyarakatnya. Manakala kesejahteraan insan ini pula lahir daripada pendekatan kaunseling dan dakwah yang dilakukan secara hikmah dan efektif.

Kesejahteraan insan bukan sahaja ditekankan oleh Islam malah menjadi agenda utama kerajaan Malaysia melalui usaha-usaha kerajaan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.<sup>30</sup> Sesebuah tamadun yang cemerlang, gemilang dan terbilang mestilah mempunyai masyarakat yang berkeyakinan, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup secara demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil serta mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang berdaya saing. Modal insan ini penting untuk mewujudkan personaliti yang unggul dan setiap individu perlu mengamalkan setiap unsur-unsur dalam modal insan demi menentukan hala tuju negara, bangsa dan agama sekaligus akan melahirkan kesejahteraan dalam masyarakat.<sup>31</sup>

<sup>27</sup> Al-Quran, Surah al-Baqarah: ayat 201.

<sup>28</sup> Kepentingan fizikal atau tubuh badan yang dijaga melalui pemakanan yang baik, menjaga kebersihan, menjaga kesihatan, tidak mendedahkan diri kepada kerosakan, kebinasaan dan lain-lain aspek negatif.

<sup>29</sup> Kepentingan spiritual atau kerohanian yang dijaga dengan kawalan melalui kefahaman yang betul, penjagaan akal fikiran, peribadatan, keyakinan, kesedaran dan lain-lain aspek yang positif.

<sup>30</sup> Modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Lihat Sargit Singh Gill (Dr) (2006). “Hubungan Etnik Di Malaysia Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi” dalam Dr. Zaid Ahmad (*et.al.*). *Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar, h. 203.

<sup>31</sup> Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2006), h. 113.

Dalam perutusan sempena menyambut Hari Pekerja 2006, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa dalam konteks dunia global hari ini, modal insan yang benar-benar berkualiti adalah suatu kemestian. Ini merupakan satu pendekatan kaunseling dan dakwah yang perlu dilaksanakan bagi melahirkan kesejahteraan insan dan masyarakat. Sebagaimana kata-kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat Perdana Menteri di Putrajaya:

“Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan serta ingin menjadi bukan sahaja sekadar mana-mana negara maju tetapi negara maju yang mempunyai identitinya sendiri serta mampu terus kekal pada tahap itu, pembangunan modal insan berminda kelas pertama harus diutamakan.”<sup>32</sup>

Semua ini akan menjadi realiti apabila kaunseling dan dakwah turut berperanan dalam menangani pelbagai persoalan yang kian diperdebatkan rentetan daripada permasalahan sosial yang berlaku akibat perubahan arus kemodenan dalam era globalisasi. Ini kerana pendekatan kaunseling dalam diri individu amat penting semasa berhadapan dengan masalah agar segala perkembangan dan potensi diri dapat dipertingkatkan selari dengan tuntutan Islam. Tambahan pula segala proses yang bertujuan untuk mengajak individu kepada kesejahteraan dalam hidup dan menuju ke jalan Allah dianggap sebagai sebahagian daripada usaha dakwah.

Melalui kaunseling dan dakwah juga diharapkan dapat membantu usaha-usaha bagi mewujudkan modal insan yang berkualiti. Ia dapat dicapai dengan menerapkan kefahaman kepada setiap individu dan masyarakat bagi membentuk satu komponen manusia yang mempunyai keseimbangan hidup sama ada dari aspek emosi, mental dan fizikal.

## **PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA MELALUI PENDEKATAN KAUNSELING DAN DAKWAH**

Matlamat utama pendidikan dalam Islam ialah untuk membentuk akhlak manusia menjadi mukmin sejati seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah dalam sabda baginda, “Sebaik-baik kamu ialah orang yang terbaik akhlak dan budi pekertinya” (riwayat al-Bukhari dan Muslim). Oleh itu, perkhidmatan kaunseling juga merupakan salah satu pendekatan dalam konsep membentuk dan mendidik akhlak individu ke arah yang lebih terpuji.

<sup>32</sup> *Utusan Malaysia*. “Minda Kelas Pertama: Saranan PM dalam bangunkan modal insan sempena Hari Pekerja”. 8 Mei 2006/ 9 Rabiul Akhir 1427.

Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa tujuan perkhidmatan kaunseling dan dakwah berkait rapat dengan proses pembentukan akhlak individu. Matlamat tersebut seperti bertujuan untuk memperkembangkan personaliti individu ke arah yang positif untuk menyelesaikan kerumitan dengan berkesan dalam hidup. Kaunseling juga akan membantu individu untuk berupaya menyesuaikan diri dalam masyarakat dan menuruti kehendak masyarakat melalui perkembangan konsep kendiri.<sup>33</sup>

Perkhidmatan kaunseling juga berperanan dalam cuba mendidik akhlak individu untuk mengimbangi nafsu. Setiap individu memiliki akal dan nafsu. Melalui akal, seseorang itu dapat menilai sesuatu, menyesuaikan diri dan mengawal nafsu dengan pelbagai cabaran serta situasi yang dihadapi. Orang yang gagal mengawal hawa nafsunya akan hidup dalam keadaan yang tidak tenteram.<sup>34</sup>

## KESIMPULAN

Secara umumnya tugas sebagai kaunselor yang memberi nasihat secara berhikmah kepada manusia adalah sangat mulia, begitu juga dengan peranan sebagai seorang pendakwah untuk membimbing insan lain ke arah kecemerlangan diri dan hidup dengan mengambil kira pelbagai aspek. Oleh kerana kaunseling juga merupakan satu mekanisme untuk penyelesaian masalah ke arah perubahan fikiran dan tingkahlaku, meleraikan konflik diri dan emosi serta menimbulkan kesedaran terhadap diri sendiri, maka proses kaunseling dan dakwah mempunyai perkaitan yang sangat rapat di antara satu sama lain.

Usaha ini penting bagi membentuk personaliti individu dan masyarakat ke arah pembentukan akhlak mulia dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Pembentukan akhlak merupakan asas pembinaan minda dan sahsiah individu ke arah membentuk budi pekerti yang luhur sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Pendekatan kaunseling dalam dakwah akan membentuk individu yang berakhlaq agar mampu mengendalikan kekuatan diri daripada terdorong ke arah kejahatan. Namun, pembinaan akhlak ini harus diiringi dengan kekuatan iman sejati yang terhasil melalui pendekatan dakwah yang efektif.

<sup>33</sup> Kamal Abd. Manaf (2000). *Kaunseling Islam Satu Alternatif Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., h. 55.

<sup>34</sup> Ahmad Mohd. Salleh (1998). *Pendidikan Islam Dinamika Guru*, Jilid II. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 156.

Terdapat pelbagai perspektif dalam al-Quran yang melibatkan pelaksanaan akhlak dan kepentingan akhlak sama ada kepada diri, masyarakat, bangsa ataupun negara. Ini kerana, pembentukan akhlak individu mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembinaan insan dan perkembangan peradaban manusia serta turut mempengaruhi kecemerlangan dan kejatuhan sesuatu tamadun. Individu muslim yang berupaya memindahkan pendidikan akhlaknya kepada pembentukan peribadi mulia dan berbudi pekerti indah akan mampu memberi kesan yang positif terhadap pembinaan masyarakat dan tamadun manusia.

Jelas di sini menunjukkan bahawa kaunseling merupakan salah satu daripada mekanisme dakwah bagi menerapkan kefahaman kepada masyarakat untuk membentuk satu komponen manusia yang dapat memperolehi keseimbangan hidup dari aspek emosi, mental dan fizikal. Aplikasi kaunseling yang sempurna dalam dakwah akan membawa kepada pembentukan jati diri dan akhlak yang mulia serta memberi kesan yang besar terhadap peradaban ummah.

